

# Penjaja perlu ambil skim insurans berkelompok



Ab Hamid (tengah) bergambar bersama sebahagian penjaja selepas merasmikan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kali ke-13 Persatuan Peniaga Pasar Lambak Kuantan (PPPLK), di Dewan Jubli Perak, semalam.

SINAR HARIAN 28/3/2017

KUANTAN - Bagi menghadapi sebarang kemungkinan termasuk berlaku kemalangan dan kematian, ahli persatuan peniaga digalakkan mengambil skim insurans berkelompok sebagai langkah persediaan.

Penasihat Gagasan Pendidikan Melayu Pahang, Datuk Seri Ab Hamid Mohd Nazahar berkata, penjaja perlu bersedia dengan perbelanjaan tambahan tersebut memandangkan komitmen caruman tersebut perlu dilakukan secara konsisten setiap bulan.

Jelasnya, perkara tersebut perlu dijelaskan secara terperinci kerana ia melibatkan sejumlah wang dan pembayaran.

"Persatuan harus memikirkan kaedah terbaik bagi melindungi ahli-ahlinya yang berkemungkinan boleh ditimpa kemalangan terutama menyebabkan kematian atau

hilang upaya pada bila-bila masa.

"Sekurang-kurangnya nasib ahli atau waris akan terbela, ia bukan satu perkara mudah tetapi adalah yang terbaik bagi tempoh jangka masa panjang," katanya.

Beliau berkata kepada media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kali ke-13 Persatuan Peniaga Pasar Lambak Kuantan (PPPLK), di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan persatuan menganjurkan Hari Penjaja Pasar Lambak bersama pelbagai agensi sebagai usaha lonjakan ekonomi penjaja.

"Mereka boleh memilih agensi seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) se-

bagai platform mengembangkan perniagaan.

"Melalui penganjuran program bersama itu penjaja di negeri ini secara tidak langsung menerima maklumat dan saluran tepat untuk melakukan lonjakan dalam perniagaan baik dari segi latihan dan bantuan kewangan," katanya.

Sementara itu, katanya, pihak MPK juga perlu mempertimbangkan pembaharuan lesen perniagaan kepada penjaja berusia 60 tahun ke atas.

"Saya mencadangkan mereka diberi potongan atau membuat satu skim istimewa kepada penjaja yang memasuki usia emas ini yang masih perlu berniaga.

"MPK boleh mengkaji terlebih dahulu perkara tersebut untuk di-realisis kepada golongan tersebut," katanya.